

**CAHAYA**  
**SOCIETY**  
EDUCATION FOR ALL

# WARTA CAHAYA EDISI MEI

# KENALI KAMI!

**Cahaya Society** ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah. Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.



# MEI 2023 BIKIN APA?



## Kolaborasi bersama IIUM UNESCO Club

Mesyuarat penyelarasan untuk projek pustaka mini bersama komuniti di beberapa Pusat Pembelajaran Alternatif.

## Piknik Cahaya

Aktiviti luar Cahaya Learning Centre (CLC) bersama anak-anak cahaya di Pantai Dandulit.

## Pelancaran subjek Pengajian Etnik Bajau

Alumni Cahaya menggerakkan kelas Pengajian Etnik Bajau iaitu kelas berkaitan sejarah/budaya dan bahasa Bajau bersama pelajar CLC lainnya.

## Lawatan Kerja PFKK

Pasukan implementasi projek pembangunan modul Pendidikan Fizikal & Kesihatan Komuniti (PFKK) ke Pantai Barat Sabah bertemu para advokator dan Pusat Pembelajaran Alternatif untuk pemerhatian dan pengamatan sebagai input bagi modul PFKK agar lebih organik dan inklusif. Projek ini ditaja oleh Allianz Malaysia.

# MEI 2023 BIKIN APA?



## Mountaintop: Pentadbiran Berpusatkan Alam & Amalan Penjanaan Semula

Dua wakil Cahaya Society menghadiri diskusi dalam program anjuran Forever Sabah Institute ini sebagai pembicara di Kampong, Kota Kinabalu. Terima kasih jemputan!



## Tayang Wayang

Program bulanan anjuran Kelab Alumni Cahaya iaitu tayangan filem Crazy Awesome Teachers tentang kerja keras seorang guru yang mahukan terbaik untuk pendidikan anak-anak didiknya.



## Lawatan Magical Light Singapore

Rombongan MLF melawat CLC, Cita Budi dan Teratak Ilmu untuk memahami kerja advokasi dan pendidikan yang ditukang di ruang selamat ini. Terima kasih, datang lagi!



## Sesi perkenalan bersama the Centre for Child Rights & Business

Sesi ini adalah untuk memahami isu buruh kanak-kanak di ladang sawit dan apa-apa yang terkait dengan kanak-kanak rentan di Sabah. Salam kenal!

# MEI 2023

# BIKIN APA?



# Pelancaran Korban Cahaya

Cahaya Society julung kalinya membuka slot tempahan bahagian sapi/kambing untuk acara korban bersama komuniti di Sabah, Malaysia. Sebarang sumbangan, sila berhubung dengan kami.



SDG National Partnership Workshop 2023

Jemputan oleh mySDG Academy diwakili oleh Sdri. Lia di Kota Kinabalu. Input yang sangat berguna untuk kerja-kerja advokasi yang berimpak. Terima kasih untuk ruang dan peluang!



# Kem Cita Cahaya

Program ini dianjurkan oleh Kelab Alumni Cahaya sebagai pengisian bulanan melibatkan anak-anak cahaya. Kem dua hari ini diisi, disusun dan dirancang menggunakan autonomi penuh pasukan Alumni.

# BULAN DEPAN BIKIN APA?

1

## Korban Cahaya 2023

Program sembelihan sempena Aidiladha 2023 bersama komuniti cahaya.

2

## Laporan Impak (Jan-Jun) 2023

Sebagai organisasi yang didukung oleh rakyat Malaysia, Cahaya Society akan menyediakan Laporan Impak yang termuat analisis advokasi, program & projek, serta dana & perbelanjaan.

3

## Program Prihatin Kesihatan

Pemeriksaan kesihatan percuma (bulanan) terbuka kepada komuniti setempat. Dikendalikan oleh Cahaya Society dengan saranan dan rujukan doktor pakar (iaitu rakan strategik Cahaya Society) daripada Hospital Duchess of Kent (HDOK) Sandakan.

4

## Penilaian Cahaya Learning Centre (CLC) Penggal 1

Penilaian prestasi pembelajaran, pencapaian dan tambahbaik aktiviti pendidikan yang dikerjakan bermula Jan hingga Jun melibatkan semua pelajar CLC.

*Terima kasih semua yang sentiasa percaya menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan.*

*Merdeka!*

**Sumbangan untuk tujuan advokasi dan program pendidikan alternatif ke:**

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah  
CIMB Bank (8603686012)





**CAHAYA  
SOCIETY**  
EDUCATION FOR ALL

# MAGSUKUL TERIMA KASIH

[cahayasociety.org](http://cahayasociety.org)